



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PEMBELAJARAN SEJARAH DIPERKUKUH SEBAGAI TERAS PEMBINAAN NEGARA BANGSA

Majlis Sejarawan Negara (MSjN) menyambut baik penegasan YAB Perdana Menteri untuk memperkukuh kedudukan pembelajaran Sejarah Malaysia sebagai elemen teras dalam sistem pendidikan negara semasa **Majlis Peluncuran Rancangan Pendidikan Negara 2026–2035** baru-baru ini.

MSjN berpandangan bahawa kewajipan penguasaan Sejarah Malaysia merentas semua aliran pendidikan termasuk sekolah antarabangsa, institusi pendidikan agama dan semua sekolah aliran Cina atau UEC adalah langkah strategik dalam memperkukuh jati diri nasional, kefahaman kenegaraan serta perpaduan masyarakat majmuk. Pendekatan ini penting bagi memastikan setiap generasi rakyat Malaysia memahami akar sejarah dan nilai bersama yang membentuk negara bangsa.

Langkah memperkenalkan penilaian Sejarah secara lebih sistematik termasuk pada peringkat awal persekolahan menunjukkan komitmen kerajaan dalam memperkukuh literasi sejarah sejak usia muda. Di peringkat pendidikan tinggi pula, pengenalan mata pelajaran umum berkaitan sejarah dan perlembagaan negara memastikan semua graduan memiliki pengetahuan asas kenegaraan tanpa mengira bidang pengajian.

MSjN yakin bahawa pengintegrasian pembelajaran sejarah dalam agenda reformasi pendidikan nasional, seiring kemajuan teknologi dan digital akan mewujudkan keseimbangan antara pembangunan dan keteguhan nilai kemanusiaan. Sehubungan itu, MSjN menyokong sepenuhnya pelaksanaan dasar ini demi kelangsungan pembinaan negara bangsa.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

28 Januari 2026

KPN.100-9/1/16 (4)